

# LAWATAN KEBAJIKAN OLEH PANGLIMA BANTUAN UDARA



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3174-lawatan-kebajikan-oleh-panglima-bantuan-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3174-lawatan-kebajikan-oleh-panglima-bantuan-udara)

KUANTAN, 14 Mac 18 - Panglima Bantuan Udara, YBhg Mej Jen Dato' Haji Mohammad Salleh bin Haji Osman TUDM telah mengadakan lawatan kebajikan ke atas anggota MATRA 4 iaitu Kpl U Mohd Anuar Izham bin Redzuan di kediaman beliau di Taman Tunas Mahkota, Kuantan pada hari ini. Kpl U Mohd Anuar Izham telah mengalami kemalangan jalan raya pada 14 Feb 18 dan telah mengalami kecederaan patah jari tangan kiri, patah kaki kiri serta tulang pinggul tercabut. Panglima Bantuan Udara juga turut menyampaikan sumbangan kebajikan kepada anggota tersebut. Turut hadir Ketua Staf Sistem MPBU, PS1 Pembaikan, Ketua MATRA 4, pegawai dan anggota MATRA 4.

